

UMS bantu usahawan kecil Sabah

Naik taraf produk diusahakan melalui sesi perbincangan kerjasama

UB 21.8.2020 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited dalam membantu usahawan-usahawan kecil di Sabah menaikkan taraf produk-produk yang diusahakan melalui satu sesi perbincangan kerjasama di antara penyelidik UMS dengan kumpulan usahawan itu.

Sesi perbincangan yang dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) di Dewan Kuliah Pusat ke-2, UMS itu melibatkan lebih 50 usahawan kecil yang dikenali sebagai PITCHBORNEO di bawah Sabah Techpreneur Association (SATA).

Menurut Timbalan Pengarah PPPI (Inovasi) Prof. Madya Dr. Homathevi Rahman, program itu diadakan adalah bertujuan membantu usahawan PITCHBORNEO menaik taraf produk-produk mereka dengan pemindahan ilmu atau teknologi daripada kepakaran penyelidik UMS.

“Program ini akan menggalakkan hubungan jaringan industri melalui penyediaan penyelesaian daripada penyelidik UMS kepada industri di Sabah.

“Selain itu, ini adalah sebagai platform untuk interaksi dan perpindahan teknologi yang dapat merapatkan hubungan kedua-dua pihak, serta menggalakkan penyertaan penyelidik UMS untuk memberikan penyele-



KENANGAN: Dr. Ramzah (tiga kiri) merakamkan gambar bersama para peserta.

saian berasaskan permintaan industri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat pada sesi perbincangan berkenaan.

Menurut Dr. Homathevi, pihak SATA telah memajukan sebanyak 54 projek yang memerlukan intervensi daripada pihak UMS.

“Permasalahan usahawan-usahawan kecil itu telah dimajukan kepada setiap fakulti, pusat, dan institut di UMS, dan sebanyak 97 penyelidik telah bersetuju untuk membantu usahawan-usahawan terbabit.

“Penyelidik UMS akan membantu dari segi memberikan khidmat nasihat dan penambahbaikan bagi proses penghasilan dan pemprosesan produk, memberi bantuan dari segi strategi pemasaran, dan memberi cadangan dalam



CENDERAMATA: Dr. Ramzah (dua kanan) menerima cenderamata daripada Severinus.

menaik taraf pembungkusan produk mengikut keperluan pemasaran,” katanya.

Dr Homathevi turut berharap agar program kerjasama itu dapat membantu dalam meningkatkan pengkomersialan produk-produk usahawan yang terlibat.

Sesi penutupan program setengah hari itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul dan turut dihadiri Presiden SATA Severinus Kitingan.